

Insurans Pemilik / Penghuni Rumah QBE

1 Januari 2015

RISALAH PENERANGAN PRODUK

(Bacalah Risalah Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil **Polisi Insurans Pemilik / Penghuni Rumah QBE**. Pastikan anda juga membaca syarat-syarat umumnya.)

1. Apakah produk ini?

Polisi ini memberi anda perlindungan terhadap bangunan anda dan/atau kandungannya, dan melindungi kehilangan atau kerosakan akibat kebakaran, petir, letupan, banjir, paip air yang pecah atau bahaya-bahaya lain yang disebutkan di dalam polisi insurans ini.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

- Kehilangan atau kerosakan pada bangunan anda akibat kebakaran, petir dan letupan yang disebabkan oleh gas kegunaan rumah
- Kehilangan atau kerosakan pada bangunan anda oleh pesawat udara, kenderaan darat atau haiwan, tangki atau paip air yang pecah atau melimpah, kecurian, ribut angin, gempa bumi dan banjir
- Kehilangan wang sewa
- Liabiliti kepada pihak ketiga bagi kemalangan yang berlaku di rumah anda

Manfaat-manfaat lain yang boleh dibeli atas pilihan anda pada kadar premium yang telah ditetapkan mengikut Tarif Kebakaran Malaysia:

- Tanah mendak dan tanah runtuh
- Kerosakan akibat rusuhan, mogok dan perbuatan khianat
- Kerosakan pada kepingan kaca
- Pengubahsuaian, pembaikan dan penambahan pada rumah
- Kehilangan atau kerosakan disebabkan hurikan, siklon, taufan atau ribut angin
- Lanjutan perlindungan terhadap kecurian
- Had yang lebih tinggi pada liabiliti kepada pihak ketiga

Tempoh perlindungan adalah selama setahun. Anda perlu membaharui polisi insurans anda setiap tahun.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza mengikut keperluan taja jamin anda dan berdasarkan pada Jadual Kadar Tarif Kebakaran Malaysia.

4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

Jenis

- Komisen yang dibayar kepada ejen insurans
- Duti setem
- Cukai perkhidmatan kerajaan (tidak dikenakan atas nama individu)
- Cukai Barangan Dan Perkhidmatan (GST) akan dikenakan dan bukannya Cukai Perkhidmatan Kerajaan ke atas bahagian yang berkenaan daripada premium yang bakal dikenakan dan perlu dibayar selepas GST dilaksanakan dan jika GST perlu dikenakan

Amaun

- Setakat 15% daripada premium yang dikenakan
- RM10
- 6% daripada premium yang dikenakan

5. Apakah beberapa syarat penting yang patut saya ketahui?

➤ Keperluan memberikan keterangan (bagi Kontrak Insurans Pengguna)

- Selaras dengan Perenggan 5 Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon Insurans ini semata-mata untuk tujuan yang tidak berkait dengan perdagangan, perniagaan atau kerjaya anda, maka anda bertanggungjawab mengambil langkah ketelitian agar tidak menyalahnyatakan jawapan anda bagi soalan-soalan di dalam Borang Usul (atau sewaktu anda memohon insurans ini). Anda mestilah menjawab soalan-soalan tersebut dengan lengkap dan tepat.
- Kegagalan menjawab soalan-soalan tersebut dengan teliti boleh mengakibatkan kontrak insurans anda dielakkan, tuntutan anda ditolak atau dikurangkan, syarat-syarat ditukar ataupun kontrak insurans anda ditamatkan.
- Kewajipan memberikan keterangan ini akan terus dipikul sehinggalah waktu kontrak insurans anda dilaksanakan, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- Selain menjawab soalan-soalan di dalam Borang Usul (atau sewaktu anda memohon insurans ini), anda diminta memberitahu kami hal-hal lain, jika ada, yang anda ketahui relevan dengan keputusan kami untuk menerima risikonya, serta menentukan kadar dan syarat yang akan dikenakan.
- Anda juga bertanggungjawab memberitahu kami dengan segera jika, pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda dilaksanakan, diubah atau diperbaharui dengan kami, maklumat yang telah diberikan di dalam Borang Usul (atau sewaktu anda memohon insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

➤ Keperluan memberikan keterangan (bagi Kontrak Insurans Bukan Pengguna)

- Selaras dengan Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon Insurans ini dengan tujuan yang berkait dengan perdagangan, perniagaan atau kerjaya anda, maka anda bertanggungjawab memberitahu kami hal-hal yang anda ketahui relevan dengan keputusan kami menerima risikonya dan menentukan kadar serta syarat yang akan dikenakan, dan juga hal-hal yang boleh dianggap sebagai diketahui relevan oleh seseorang yang waras dalam keadaan begitu. Jika tidak, ini boleh mengakibatkan kontrak insurans anda dielakkan, tuntutan anda ditolak atau dikurangkan, syarat-syarat ditukar ataupun kontrak insurans anda ditamatkan.
- Kewajipan memberikan keterangan ini akan terus dipikul sehinggalah waktu kontrak insurans anda dilaksanakan, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- Anda juga bertanggungjawab memberitahu kami dengan segera jika, pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda dilaksanakan, diubah atau diperbaharui dengan kami, maklumat yang telah diberikan di dalam Borang Usul (atau sewaktu anda memohon insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

➤ Amaun Insurans

- Anda mesti memastikan bahawa harta tanah anda diinsuranskan dengan amaun yang sesuai, setelah mengambil kira pengubahsuaian yang telah dibuat pada harta tanah tersebut

➤ Prosedur Membuat Tuntutan

- Notis harus diberikan dalam tempoh tiga puluh (30) hari, atau dengan seberapa cepat yang boleh, dari tarikh anda mengalami kehilangan atau kerosakan, dengan memberi kami pernyataan bertulis yang terperinci. Jika berlaku kehilangan atau kerosakan akibat kecurian atau percubaan mencuri, laporan Polis perlu dibuat dengan segera.

➤ Pembayaran tuntutan

- Jika berlaku kehilangan harta tanah yang diinsuranskan, kami akan membayar berdasarkan nilai pasaran harta tanah itu, yang mana lebih rendah, selepas ditolak lebihan dan amaun, jika ada, yang perlu anda tanggung di bawah polisi ini.

➤ Waranti premium

- Premium mestilah dibayar dalam tempoh 60 hari dari tarikh polisi ini dimulakan.

6. Apakah pengecualian penting di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi beberapa kehilangan, seperti:

- Kehilangan / kerosakan akibat tanah mendak, tanah runtuh, rusuhan, mogok dan kerosakan disebabkan perbuatan khianat
- Risiko peperangan
- Keganasan
- Apa jua jenis kehilangan lanjutan

Catatan:

Ini bukan senarai yang lengkap. Sila rujuk kepada contoh kontrak polisi untuk melihat senarai lengkap pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi kami notis bertulis. Setelah dibatalkan, anda berhak menerima bayaran balik premium berdasarkan baki tempoh insurans.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika ada perubahan pada butir-butir butiran perhubungan saya?

Anda mesti memaklumkan kepada kami sebarang perubahan pada butir-butir perhubungan anda supaya semua surat akan sampai kepada anda pada masanya.

9. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat selanjutnya?

Jika anda memerlukan maklumat selanjutnya mengenai insurans pemilik / penghuni rumah, sila rujuk kepada buku panduan *insuransinfo* mengenai 'Insurans Pemilik / Penghuni Rumah', yang boleh didapati di semua cawangan kami, ataupun anda boleh memohon naskhah daripada ejen kami, ataupun melayari laman web www.insuranceinfo.com.my

10. Jenis-jenis perlindungan insurans Kebakaran yang disediakan

- Polisi asas kebakaran

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

QBE Insurance Malaysia Berhad

Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia

No. 638, Aras 6, Blok B1, Leisure Commerce Square,

No 9, Jalan PJS 8/9 46150, Petaling Jaya,

Alamat Surat-menyurat: Peti Surat 10637, 50720 Kuala Lumpur.

Nombor Telefon: 03 7861 8400 Nombor Faks: 03 78737430

E-mel: info.mal@qbe.com

CATATAN PENTING:

Anda mesti memastikan bahawa harta tanah anda dilindungi insurans pada amaun yang sesuai. Anda harus membaca dan memahami polisi insurans ini dan berbincang dengan ejen ataupun terus menghubungi syarikat untuk mendapatkan maklumat selanjutnya.

Maklumat yang terdapat di dalam risalah penerangan ini sah setakat 01/01/2015.